

Mohd Ali, Nurul Amalina dinobatkan Olahragawan, Olahragawati USIM 2013

Nilai: Mohd Ali Imran Che Hashim dan Nurul Amalina Subkhi masing-masing dinobatkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bagi tahun 2013.

Kedua-dua pesilat itu menerima trofi dan sijil penghargaan masing-masing daripada Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Musa Ahmad pada majlis Anugerah Sukan USIM 2013 di sini, kelmarin.

Mohd Ali Imran yang juga pelajar Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, dipilih berdasarkan

kejayaannya meraih pingat perak dalam Kejohanan Silat Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2013.

Abdul Shukor Tokoh Sukan

Nurul Amalina, pelajar Fakulti Syariah dan Undang-Undang pula merangkul pingat emas dalam Kejohanan Silat Piala Timbalan Perdana Menteri 2013.

Bagi kategori petugas USIM, anugerah Olahragawan dimenangi oleh staf Jabatan Keselamatan, Norizat Nordin, manakala Wan Azura Radzuan dari Jabatan

Perpustakaan, memenangi anugerah Olahragawati.

Norizat adalah anggota pasukan yang memenangi pingat gangsa dalam Kejohanan Bola Tampar Majlis Sukan Kakitangan Kerajaan (MAKSAK) 2013 manakala Wan Azura menjuarai acara Masters wanita dalam Kejohanan Boling Sukan Kakitangan Universiti-Universiti Malaysia (SUKUM).

Pada majlis itu, Pengerusi Lembaga Pengarah USIM, Prof Emeritus Tan Sri Dr Abdul Shukor Husin dipilih untuk Anugerah Tokoh Sukan.

BERNAMA